V HARIHARAN

lwn.

DATO' DR L RAMACHANDRAN & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, ALOR STAR
ZAINAL ADZAM H
[GUAMAN SIVIL NO: 22-139-1998]
5 DISEMBER 2005

PERSATUAN TAK DIPERBADANKAN: *Pertubuhan - Pertikaian - Tuntutan plaintif bagi perintah pengisytiharan - Sama ada Mahkamah mempunyai bidangkuasa untuk membuat perintah pengisytiharan - Akta Pertubuhan-Pertubuhan 1966, s. 40 - Keputusan Penolong Pendaftar Pertubuhan Negeri Kedah - Sama ada keputusan yang muktamad dan tidak boleh dirayukan - Kegagalan plaintif menyatakan apakah hak atau harta terjejas - Locus standi - Sama ada terbukti - Sama ada plaintif boleh menuntut gantirugi dan kos - Sama ada tuntutan plaintif ditolak*

PROSEDUR SIVIL: *Bidangkuasa - Mahkamah - Perintah pengisytiharan - Akta Pertubuhan-Pertubuhan 1966, s. 40 - Sama ada mahkamah mempunyai bidangkuasa untuk membuat perintah pengisytiharan*

Dalam kes ini Persatuan Kaum India Kedah ('Persatuan') merupakan satu pertubuhan yang didaftar mengikut Akta Pertubuhan-Pertubuhan 1966. Plaintif adalah ahli seumur hidup Persatuan tersebut sejak 1993 dan defendan-defendan adalah pegawai-pegawai dan ahli-ahli jawatankuasa Persatuan bagi penggal 1997-1998 yang telah dipilih dalam mesyuarat agung tahunan Persatuan. Antara yang dipertikaikan oleh plaintif ialah bahawa jawatankuasa bagi penggal 1995-1997 telah menerima dan meluluskan permohonan menjadi ahli daripada 96 orang pemohon pada 15 Januari 1997 tanpa mematuhi peruntukan-peruntukan perlembagaan Persatuan dalam satu mesyuarat jawatankuasa. Plaintif telah membuat tuntutan- tuntutan bagi perintah-perintah pengisytiharan dalam writ saman. Melalui surat bertarikh 1 Julai 1998 (D10) Penolong Pendaftar Pertubuhan Negeri Kedah telah memberi hasil siasatannya serta keputusannya atas aduan plaintif kepada plaintif dan Persatuan. Daripada D10 adalah jelas bahawa Penolong Pendaftar Pertubuhan Negeri Kedah telah mengadakan perbincangan dengan plaintif, bekas Presiden Persatuan serta ahli-ahli jawatankuasa Persatuan yang terdiri daripada Presiden, Setiausaha dan Bendahari. Kedua-dua pihak berkenaan juga telah

A mengemukakan kepada Penolong Pendaftar dokumen-dokumen yang berkaitan untuk pertimbangannya. Setelah meneliti keseluruhan kes ini, mahkamah berpendapat bahawa ianya boleh diselesaikan dengan mempertimbangkan isu- isu perundangan sahaja.

B

Diputuskan (menolak tuntutan plaintif):

[1] Walaupun mahkamah mempunyai kuasa budibicara yang luas untuk membuat perintah pengisytiharan, ianya tidak bermakna mahkamah boleh membuat perintah tersebut dalam semua
C keadaan tanpa apa-apa had. Antara had bidangkuasa mahkamah untuk membuat perintah pengisytiharan ialah di mana kuasa mengenai perkara berkenaan telah diberikan oleh perundangan kepada seseorang atau pihak berkuasa berkanun. (perenggan 6 & 7)

D

[2] Kuasa mahkamah untuk membuat perintah pengisytiharan mengenai tuntutan-tuntutan plaintif telah dengan nyata diberikan oleh s. 40 Akta Pertubuhan-Pertubuhan 1966 ('Akta') kepada Pendaftar Pertubuhan kerana permohonan
E perintah-perintah pengisytiharan plaintif jelas adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang diperuntukkan dalam seksyen itu sebagai tanggungjawab dan tugas Pendaftar Pertubuhan. Mengikut tafsiran s. 2 Akta tersebut ianya termasuk 'Penolong Pendaftar', iaitu pegawai yang mengendalikan siasatan atas
F aduan-aduan plaintif dan mengeluarkan hasil siasatan dan keputusan dalam D10. (perenggan 11)

[3] Mengikut s. 40 Akta tersebut, plaintif mempunyai dua pilihan bagi menyelesaikan pertelingkahannya dengan defendan-
G defendan yang merupakan ahli-ahli jawatankuasa pertubuhan berkenaan. Pertama, s. 40(1) Akta tersebut ialah dengan melalui peruntukan peraturan-peraturan Pertubuhan berkenaan. Kedua, sepertimana dalam s. 40(2) Akta tersebut dengan persetujuan kedua-dua pihak sepertimana yang telah berlaku
H dalam kes ini, merujukannya kepada Pendaftar Pertubuhan. Kedua-dua cara penyelesaian dalam s. 40 itu merupakan cara-cara mandatori yang dikehendaki diikuti oleh semua ahli-ahli atau bekas ahli sesuatu pertubuhan untuk penyelesaian apa-apa pertelingkahan. (perenggan 12)

I

[4] Selain daripada keputusan Penolong Pendaftar dalam D10 itu mengikatkan plaintif dan defendan-defendan, ianya juga merupakan keputusan yang muktamad dan tidak boleh

dirayukan. Permohonan plaintif di mahkamah ini juga dihalang daripada dikemukakan ke mahkamah oleh kerana jelas mahkamah tiada bidang kuasa untuk membuat perintah-perintah pengisytiharan yang dipohonnya. (perenggan 13)

[5] Plaintif tidak menunggu hingga Penolong Pendaftar Pertubuhan memberi hasil siasatan serta keputusannya sebelum memfailkan tuntutan-tuntutannya di mahkamah. Perkara sedemikian di sisi undang-undang sekali lagi menjadi penghalang kepada plaintif untuk mendapatkan perintah-perintah pengisytiharan daripada mahkamah. (perenggan 14)

[6] Plaintif telah gagal menyatakan apakah hak di sisi undang-undang atau harta plaintif yang terjejas dalam kes ini. Perkara ini penting untuk menentukan *locus standi* plaintif mendapatkan perintah-perintah pengisytiharan. Plaintif perlu membuktikan bahawa dia telah mengalami kerugian atau kehilangan haknya di sisi undang-undang atau telah mengalami kerugian khas kepada dirinya sendiri. Oleh yang demikian, plaintif tidak patut menuntut gantirugi dan kos. (perenggan 16)

[7] Plaintif mengakui bahawa tindakannya bukan merupakan tindakan yang mewakili ahli-ahli Persatuan tetapi untuk menegakkan keadilan. Perintah pengisytiharan berkenaan mesti merupakan satu perintah yang berguna kepada semua ahli Persatuan serta Persatuan itu juga dan bukan untuk memuaskan hati plaintif seorang diri sahaja. Memberi apa-apa perintah pengisytiharan kepada plaintif seorang sepertimana dipohonnya tidak akan membawa apa-apa faedah kepada sesiapa termasuk plaintif sendiri. (perenggan 19 & 20)

Kes-kes yang dirujuk:

Dato' Mentero Othman Baginda v. Dato' Ombi Syed Alwi Syed Idrus [1981] 1 MLJ 29 ***(refd)***

Eshah Sa'at v. Meriam Sa'at [1975] 2 MLJ 97 ***(refd)***

Manggai v. Government of Sarawak [1970] 2 MLJ 41 ***(refd)***

SI Rajah & Anor v. Dato' Mak Hon Kam [1993] 3 MLJ 741 ***(refd)***

Tan Sri Hj Othman Saat v. Mohamed Ismail [1982] 2 MLJ 177 ***(refd)***

Perundangan yang dirujuk:

Rules of the High Court 1980, O. 15 r. 16

Societies Act 1966, ss. 2, 16, 40(1), (2)

Specific Relief Act 1950, s. 41

Bagi pihak plaintif - Che Zainol Rashid Che Ahmad; T/n Ahmad Farid & Assoc
Bagi pihak defendan - RS Maniam; T/n RS Maniam & Co

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Zainal Adzam H:

[1] Dalam kes ini Persatuan Kaum India Kedah (1974) (selepas ini dirujuk sebagai "Persatuan") merupakan satu pertubuhan yang didaftar mengikut Akta Pertubuhan-Pertubuhan 1966. Plaintif adalah ahli seumur hidup Persatuan tersebut sejak 1993. Defendan-defendan adalah pegawai-pegawai dan ahli-ahli jawatankuasa Persatuan bagi penggal 1997-1998 yang telah dipilih dalam mesyuarat agung tahunan Persatuan pada 8 Mei 1997. Plaintif telah juga bertanding bagi jawatan Bendahari pada pemilihan yang sama tetapi telah gagal dipilih. Antara yang dipertikaikan oleh plaintif ialah bahawa jawatankuasa bagi penggal 1995-1997 telah menerima dan meluluskan permohonan menjadi ahli daripada 96 orang pemohon pada 15 Januari 1997 tanpa mematuhi peruntukan-peruntukan perlembagaan Persatuan dalam satu mesyuarat jawatankuasa.

[2] Tuntutan-tuntutan plaintif bagi perintah-perintah pengisytiharan dalam writ saman yang telah dipinda adalah seperti berikut:

1. Pengisytiharan bahawa kelulusan permohonan untuk menjadi ahli Persatuan yang berkuat kuasa mulai 15 Januari 1997 oleh jawatankuasa Persatuan bagi penggal 1995-1997 adalah secara salah dan terbatal;
2. Pemilihan jawatankuasa Persatuan bagi penggal 1997-1999 dan penggal 1999-2001 adalah secara salah dan terbatal;
3. Semua aturcara agenda yang mengendalikan pengundian bagi pemilihan jawatankuasa penggal 1997-1999 dan 1999-2001 adalah salah dan terbatal;
4. Gantirugi dan kos; dan
5. Pengisytiharan bahawa segala tindakan diambil oleh jawatan kuasa Persatuan yang dipilih di mesyuarat agung pada 8 Mei 1997 adalah tidak sah dan terbatal.

[3] Pada 4 Mac 1998 plaintif telah melalui surat (D9) buat pengaduan kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Negeri Kedah. Mengikut rekod kes ini plaintif memulakan tuntutan-tuntutannya melalui saman pemula dan pada 13 Jun 1998 mahkamah telah mengarahkan plaintif tukarkannya kepada writ saman. Plaintif telah failkan writ saman pada 27 Jun 1998. Melalui surat bertarikh 1 Julai 1998 (D10) Penolong Pendaftar Pertubuhan Negeri Kedah telah memberi hasil siasatannya serta keputusannya atas aduan plaintif kepada plaintif dan Persatuan.

[4] Antara aduan-aduan yang telah dikemukakan oleh plaintif kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan dan disiasat oleh Penolong Pengarahnya dan disenaraikan dalam D10 adalah sepertimana yang berikut:

1. Aduan ke atas 96 orang ahli yang tidak sah hadir dalam mesyuarat agung tahunan pada 8 Mei 1997.

2. Berlakunya tarikh resit penerimaan permohonan resit no. 41626 dan 41627 pada 9 Februari 1997.

3. Senarai nama 96 orang ahli baru yang tidak dipamerkan di papan kenyataan K1A adalah bertentangan dengan perlembagaan KIA (1974) Fasal 5(c).

4. Resit rasmi yang dikeluarkan kepada ahli baru (wanita) daripada 96 orang seperti yang didakwa berlaku penipuan dalam kutipan yuran. Plaintif mendakwa bahawa sepatutnya ahli wanita dikenakan bayaran masuk RM10 dan yuran tahunan RM5 tetapi ahli-ahli jawatankuasa Persatuan hanya mengutip sebanyak RM10 iaitu RM5 bayaran masuk dan RM5 yuran tahunan.

[5] Aduan kelima dalam D10 yang tidak dimasukkan di atas tidak dibangkitkan oleh plaintif dalam kes ini. Selain daripada itu, aduan-aduan tersebut adalah perkara-perkara yang sama dibangkitkan oleh plaintif dalam perbicaraan kes ini. Daripada D10 adalah jelas bahawa Penolong Pendaftar Pertubuhan Negeri Kedah telah mengadakan perbincangan dengan plaintif, bekas Presiden Persatuan serta ahli-ahli jawatankuasa Persatuan yang terdiri daripada Presiden, Setiausaha dan Bendahari. Kedua-dua pihak berkenaan juga telah mengemukakan kepada Penolong Pendaftar dokumen-dokumen yang berkaitan untuk pertimbangannya.

[6] Setelah meneliti keseluruhan kes ini saya berpendapat bahawa ianya boleh diselesaikan dengan mempertimbangkan isu-isu perundangan sahaja. Walau bagaimanapun isu-isu fakta akan dirujuk di mana yang perlu. Di sisi undang-undang walaupun mahkamah mempunyai kuasa budibicara yang luas untuk membuat perintah pengisytiharan, ianya tidak bermakna mahkamah boleh membuat perintah tersebut dalam semua keadaan tanpa apa-apa had. Raja Azlan Shah Pem. KHN (sepertimana Baginda pada masa itu) dalam kes *Dato' Menteri Othman b. Baginda v. Dato' Ombi Syed Alwi b. Syed Idrus* [1981] 1 ML] 29, 31 telah menyatakan:

> My first observation is that judges should adjudicate on such matters as the present with restraint and certainly not to emulate the quasi-legislative role of the United States Supreme Court. The power to grant a declaration should be exercised with a proper sense of responsibility and after a full realization that judicial pronouncements ought not to be issued unless there are circumstances that properly call for their making.

[7] Antara had bidang kuasa mahkamah untuk membuat perintah pengisytiharan ialah di mana kuasa mengenai perkara berkenaan telah diberikan oleh perundangan kepada seseorang atau pihak berkuasa berkanun. Hakim dalam kes *S.I. Rajah & Anor v. Dato' Mak Hon Kam* [1993] 3 ML] 741, 753 telah menyatakan kedudukannya sedemikian:

> Bearing in mind the discussions stated earlier, it would appear that the dicta of Lord Sterndal MR in *Hanson*'s case attempted to emphasize the vast and apparently unexhausted potentialities of declaratory relief. Be that as it may considered opinion that the potentialities should not, however, be taken to mean that the courts can make declarations on any matter whatsoever. As Joyce J said in *North Eastern Marine Engineering Co v. Leeds Forge Co* (at p 328):
>
> > To the operation of that rule (ie O. 25 r. 5) there must ... be some limitation. It cannot, I think, compel the court to entertain any and every action for a declaration, and it cannot be that a claim for any declaration whatsoever it may be is a good ground of action.
>
> One of those limits is that the jurisdiction of the court to make declaratory orders may be restricted or ousted by statutory provisions giving exclusive jurisdiction to another person or tribunal in specified matters. Thus, I Zamir in his book *The Declaratory Judgment* said at p 32:

> The declaratory jurisdiction may, accordingly, be described as follows: within the limits of the general jurisdiction of the courts and subject to private statutory provisions, the courts may, in their discretion, make declarations upon any matter whatsoever. (emphasis added.)

It is also mentioned in 1 The Supreme Court Practice 1988 under O. 15/16/4 entitled 'Where jurisdiction exists in other tribunals' that:

> But there is nothing in this rule which enables the court to make a declaration in a matter in which its jurisdiction is excluded by a statute which gives exclusive jurisdiction to another tribunal.

[8] Mengenai perkara yang sama Raja Azlan Shah Pem. KHN dalam kes *Dato' Menteri Othman b. Baginda v. Dato' Ombi Syed Alwi b. Syed Idrus* telah menyatakan sedemikian di ms 32:

> Being discretionary, the remedy may, of course be denied in appropriate cases. It may be also be excluded by enactments. Some enactments expressly exclude the remedy (see *N.T.S. Arumugam Filial v. Government of Malaysia* where some of the cases are discussed), whereas the courts have to look behind the not very clear language of others in order to discover whether Parliament or some other enacting body had intended that result.

[9] Hakim dalam kes *SI Rajah v. Dato' Mak Hon Kam* telah memutuskan bahawa s. 16 Akta Pertubuhan-Pertubuhan 1966 memberi kuasa penuh kepada Pendaftar Pertubuhan untuk menguruskan semua perkara mengenai fungsi dan pentadbiran pertubuhan termasuk, antara lain, mengenai pemilik pemegang jawatan dalam pertubuhan. Di ms 753 hakim tersebut telah jelaskannya sedemikian:

> It is clear to me that this section provides for the Registrar to require the parties to satisfy him, among other things, on the proper appointment of the lawful office bearers.

[10] Walau bagaimanapun dalam kes ini saya berpendapat bahawa peruntukan yang relevan dan di bawah mana Penolong Pendaftar Pertubuhan telah bertindak dan memberikan keputusannya melalui D10 ialah s. 40 Akta Pertubuhan-Pertubuhan 1966. Seksyen 40 diperuntukkan sedemikian:

A **40. Keputusan mengenai pertikaian.**

(1) Sesuatu pertikaian di antara:

(a) seseorang anggota atau peyuran atau seseorang yang menuntut melalui seseorang anggota atau seseorang
B peyuran atau menurut aturan-aturan sesuatu pertubuhan berdaftar dengan pertubuhan itu atau seseorang pemegang jawatannya; dan

(b) mana-mana orang yang musykil yang tidak lagi menjadi anggota sesuatu pertubuhan berdaftar atau mana-mana
C orang yang menuntut melalui orang yang musykil itu, atau pertubuhan itu atau seseorang pemegang jawatannya,

hendaklah diputuskan mengikut cara yang diarahkan menurut aturan-aturan pertubuhan berdaftar itu; dan keputusan yang diberi demikian itu hendaklah terikat dan menjadi muktamad atas segala
D pihak dengan tiada hak merayu, dan tidak boleh dibawa kepada mana-mana Mahkamah atau ditahan dengan jalan injunction; dan permohonan untuk penglaksanaannya bolehlah dibuat kepada Mahkamah Sesyen.

E (2) Pihak-pihak dalam sesuatu pertikaian yang melibatkan sesuatu pertubuhan berdaftar boleh dengan jalan persetujuan merujukkan pertikaian itu kepada Pendaftar.

(3) Pendaftar yang kepadanya sesuatu pertikaian dirujukkan hendaklah sama ada olehnya sendiri atau oleh seseorang Penolong
F Pendaftar, membicara dan memutuskan pertikaian itu dan adalah berkuasa memerintah supaya perbelanjaan-perbelanjaan bagi memutuskan pertikaian itu dibayar sama ada daripada kumpulan-kumpulan wang pertubuhan itu atau oleh mana-mana pihak dalam pertikaian itu sebagaimana yang difikirkannya patut; dan keputusan
G atau perintahnya adalah berkuatkuasa dan boleh dikuatkuasakan sama seperti suatu keputusan yang dibuat mengikut cara yang diarahkan oleh aturan-aturan pertubuhan itu.

(4) Pendaftar atau Penolong Pendaftar yang kepadanya sesuatu pertikaian dirujukkan boleh mentadbirkannya sumpah-sumpah dan
H boleh menghendaki supaya segala pihak yang berkenaan dan saksi-saksi hadir, dan supaya segala buku dan suratan berhubung dengan perkara-perkara yang dipersoal ditunjukkan.

[11] Oleh yang demikian sepertimana keadaan kes *S.I. Rajah v. Dato' Mak Hon Kam*, dalam kes ini kuasa mahkamah untuk
I membuat perintah pengisytiharan mengenai tuntutan-tuntutan plaintif telah dengan nyata diberikan oleh s. 40 kepada Pendaftar Pertubuhan kerana permohonan perintah-perintah pengisytiharan

plaintif jelas adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang diperuntukkan dalam seksyen itu sebagai tanggungjawab dan tugas Pendaftar Pertubuhan. Mengikut tafsiran "Pendaftar" di dalam s. 2 Akta ianya termasuk "Penolong Pendaftar", iaitu, pegawai yang mengendalikan siasatan atas aduan-aduan plaintif dan mengeluarkan hasil siasatan dan keputusan dalam D10.

[12] Mengikut s. 40 plaintif mempunyai dua pilihan bagi menyelesaikan pertelingkahannya dengan defendan-defendan yang merupakan ahli-ahli jawatankuasa Pertubuhan berkenaan. Pertama, dibawah s. 40(1) ialah dengan melalui peruntukan peraturan-peraturan Pertubuhan berkenaan. Kedua, sepertimana dalam s. 40(2), dengan persetujuan kedua-dua pihak sepertimana yang telah berlaku dalam kes ini, merujukkannya kepada Pendaftar Pertubuhan. Perlu diambil perhatian bahawa kedua-dua cara penyelesaian dalam s. 40 itu merupakan cara-cara mandatori yang dikehendaki diikuti oleh semua ahli-ahli atau bekas ahli sesuatu pertubuhan untuk penyelesaian apa-apa pertelingkahan.

[13] Apabila s. 40 diteliti perkara yang ketara sekali ialah bahawa bidang kuasa mahkamah mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh plaintif dalam kes ini telah dihalang untuk dirujukkan ke mahkamah dengan perkataan-perkataan yang amat jelas. Seksyen 40 memperuntukkan, *inter alia*, "... keputusan yang diberi demikian itu hendaklah terikat dan menjadi muktamad atas segala pihak dengan tiada hak merayu, dan tidak boleh dibawa kepada mana-mana mahkamah ...". Oleh yang demikian selain daripada keputusan Penolong Pendaftar dalam D10 itu mengikatkan plaintif dan defendan-defendan, ianya juga merupakan keputusan yang muktamad dan tidak boleh dirayukan. Permohonan plaintif di mahkamah ini juga dihalang daripada dikemukakan ke mahkamah oleh kerana jelas mahkamah tiada bidang kuasa untuk membuat perintah-perintah pengisytiharan yang dipohonnya. Peruntukan tersebut mengsyaratkan bahawa semua pertelingkahan-pertelingkahan antara ahli-ahli pertubuhan dengan pertubuhan berkenaan diselesai mengikut antara dua cara yang telah diperuntukkan tanpa merujukkan kepada mana-mana mahkamah.

[14] Selain daripada itu, oleh kerana s. 40 merupakan cara atau remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang bagi plaintif mendapatkan penyelesaian ke atas aduan-aduannya, pihak plaintif dikehendakki di sisi undang-undang menggunakan cara atau remedi tersebut sepenuhnya sebelum, sekiranya atas sebab-sebab tertentu, ingin membuat apa-apa rujukan kepada mahkamah. Dalam kes ini

A plaintif tidak menunggu hingga Penolong Pendaftar Pertubuhan memberi hasil siasatan serta keputusannya sebelum memfailkan tuntutan-tuntutannya di mahkamah. Perkara sedemikian di sisi undang-undang sekali lagi menjadi penghalang kepada plaintif untuk mendapatkan perintah-perintah pengisytiharan daripada mahkamah.
B Mahkamah Persekutuan telah menyatakan kedudukannya dalam kes *Manggai v. Government of Sarawak* [1970] 2 ML] 41, 44:

> It is well settled law that the court will not make a declaratory judgment where an adequate alternative remedy is available (see *Halsbury's Laws of England*, 3rd edition, volume 22, page 749,
C paragraph 1611). To quote but a few authorities in support of that proposition, Lord Herschell said in *Barraclough v. Brown* [1897] AC 615, 620:
>
> > It was argued for the appellant that, even if not entitled to
> D recover the expenses by action in the High Court, he was, at all events, entitled to come to that court for a declaration that on the true interpretation of the statute he had a right to recover them. It might be enough to say that no such case was made by the appellant's claim. But, apart from this, I think it would be very mischievous to hold that
> E when a party is compelled by statute to resort to an inferior court he can come first to the High Court to have his right to recover – the very matter relegated to the inferior court – determined. Such a proposition was not supported by authority, and is, unsound in principle.
>
> F In *Pasmore v. The Oswaldtwistle Urban District Council* [1898] AC 387, 394 Earl of Halsbury LC said:
>
> > .... The principle that where a specific remedy is given by a statute, it hereby deprives the person who insists upon a
> G remedy of any other form of remedy than that given by the statute, is one which is very familiar and which runs through the law.
>
> In the more recent case of *Wilkinson v. Barking Corporation* [1948] 1 KB 721, 724 Asquith LJ said:
>
> H
> > ... It is undoubtedly good law that where a statute creates a right and, in plain language, gives a specific remedy or appoints a specific tribunal for its enforcement, a party seeking to enforce the right must resort to that remedy or that tribunal, and not to others. ...
>
> I

[15] Hakim Abdul Razak dalam kes *Eshah bt. Sa'at v. Meriam bt. Sa'at* [1975] 2 MLJ 97, 98 pula telah menyatakan kedudukannya sedemikian: A

> ... In my respectful view, the plaintiff's action in seeking a declaration before the court although her remedy lies elsewhere is an abuse of the process of the court ... B

[16] Perkara-perkara yang saya telah nyatakan sebelum ini sebenarnya mencukupi untuk permohonan perintah-perintah pengisytiharan oleh plaintif ditolak. Walau bagaimanapun, sebagai tambahan saya dapati bahawa plaintif telah gagal menyatakan C apakah hak di sisi undang-undang atau harta plaintif yang terjejas dalam kes ini. Perkara ini penting kerana untuk menentukan *locus standi* Plaintif mendapatkan perintah-perintah pengisytiharan. Plaintif perlu membuktikan bahawa dia telah mengalami kerugian atau kehilangan haknya di sisi undang-undang atau telah mengalami D kerugian khas kepada dirinya sendiri. Seksyen 41 Specific Relief Act 1950 memperuntukkan:

> ... Any person entitled to any legal character or to any right as to any property, may institute a suit against any person E denying, or interested to deny, his title to the character or right, and the court may in its discretion make therein a declaration that he is not entitled, and the plaintiff need not in that suit ask for any further relief: ...

[17] Hakim Abdoolcader (sepertimana Yang Arif pada masa itu) F dalam kes Mahkamah Persekutuan *Tan Sri Hj Othman Saat v. Mohamed bin Ismail* [1982] 2 MLJ 177, 179 telah menyatakan sedemikian:

> ... The sensible approach in the matter of *locus standi* in G injunctions and declarations would be that as a matter of jurisdiction, an assertion of an infringement of a contractual or a proprietary right, the commission of a tort, a statutory right or the breach of a statute which affects the plaintiff's interests substantially or where the plaintiff has some genuine interest in having his legal position declared, even though he could get no H other relief, should suffice. When it comes however to the question of discretion on a consideration of the substantive application, it may well be proper in particular cases to refuse a remedy to persons who, though they may have standing as a matter of jurisdiction on the lines we have indicated, do not merit I it, perhaps because, *inter alia*, others are more directly affected, or the plaintiff himself in fundamentally not ... .

[18] Mengikut A. 15, k. 16 Aturan-Aturan Mahkamah Tinggi 1980 plaintif tidak perlu merujukkan apa-apa kausa tindakan, walau bagaimanapun plaintif dikehendaki menunjukkan bahawa haknya di sisi undang-undang yang terjejas atau dirampas oleh tindakan defendan-defendan. Walaupun plaintif telah gagal dalam pemilihan sebagai Bendahari dalam mesyuarat agung tahunan Persatuan pada 8 Mei 1997, perkara itu tidak langsung dibangkitkan oleh plaintif dalam plidingnya atau dalam keterangannya di mahkamah. Ianya hanya dibangkitkan oleh peguambela pihak defendan-defendan dalam pemeriksaan balas plaintif untuk merujukkan motif plaintif dalam membuat tuntutan-tuntutannya dalam kes ini. Oleh yang demikian saya tidak faham apakah gantirugi dan kos yang dituntut oleh plaintif di perenggan 4 tuntutan-tuntutan plaintif dalam writ samannya.

[19] Akhir sekali, tindakan plaintif ini diakui oleh plaintif bahawa ianya bukan merupakan tindakan yang mewakili ahli-ahli Persatuan tetapi sepertimana dinyatakan oleh plaintif tindakannya adalah untuk menegakkan keadilan. Kuasa mahkamah dalam membuat perintah pengisytiharan bukan sahaja untuk menegakkan keadilan tetapi sepertimana telah dinyatakan, tidak wujud tanpa apa-apa had. Dalam berbuat demikian perintah pengisytiharan berkenaan mesti merupakan satu perintah yang berguna kepada semua ahli Persatuan serta Persatuan itu juga dan bukan untuk memuaskan hati plaintif seorang diri sahaja. Hakim dalam kes *S.I. Rajah v. Dato' Mak Hon Kam* di ms 752 telah menyatakan sedemikian:

> In any event, bearing in mind that the parties are bound by their pleadings, I do not see how it could be said that this action is not in fact the plaintiffs' personal action. To my mind, what the plaintiffs did was merely to utilize their position as members of PPP and their official positions to sustain their standing to sue. Counsel for the plaintiffs, however, argued, *inter alia*, that a breach of the constitution of PPP is not a personal matter of the officials or its members but of public law. It may well be so and the plaintiffs may well be within their own right as members of PPP to file this suit. But the filing of the suit *per se* does not change this personal action into a representative action particularly when the plaintiffs themselves do not deem it fit to aver in their statement of claim that they are suing on their own behalf and on behalf of the remaining members of PPP save the 12 members of PPP who are the defendants in this action. The effect of this finding would be this: even assuming that I am prepared to grant the declarations sought for by the plaintiffs, such declarations would not be binding on PPP itself or any of the remaining members of PPP who are not parties to this action.

[20] Berasaskan alasan yang sama apa-apa perintah pengisytiharan jika dibuat dalam kes ini tidak akan menjadi terikat kepada lain-Iain ahli Persatuan kerana mereka tidak menjadi pihak-pihak dalam kes ini. Dalam kes ini, memberi apa-apa perintah pengisytiharan kepada plaintif seorang sepertimana dipohonnya tidak, atas sebab-sebab yang saya telah nyatakan, akan membawa apa-apa faedah kepada sesiapa termasuk plaintif sendiri. Mengenai perkara ini kesimpulan dan arahan Penolong Pengarah Pertubuhan dalam D10 yang sepertimana telah dinyatakan terikat dan muktamad kepada plaintif adalah relevan dan ianya adalah sedemikian:

> 7. **Kesimpulan**
>
> Pada keseluruhannya jabatan ini berpuashati dengan penjelasan yang diberikan oleh Jawatankuasa pertubuhan berhubung aduan yang tuan bangkitkan dan bersetuju bahawa mereka menjalankan tugas bagi memenuhi kehendak majoriti ahli bukannya segelintir sahaja. Aduan yang tuan kemukakan adalah tidak jelas dan dapat dianggap satu alasan yang tidak kuat bagi tuan memohon jabatan ini membatalkan mesyuarat agung yang telah diadakan. Pada hemat jabatan aduan tuan adalah bersifat peribadi dan untuk kepentingan tuan sendiri atau segelintir ahli yang mana sekiranya diberi pertimbangan akan merosakkan keseluruhan kepentingan ahli dan pertubuhan itu sendiri.
>
> 8. Oleh yang demikian jabatan ini ingin menasihatkan tuan supaya tidak mengganggu atau membuat pertikaian dengan Jawatankuasa pertubuhan kerana akan menyebabkan pertubuhan tuan boleh dibatalkan dibawah seksyen 16 Akta Pertubuhan, 1966.

[21] Berasaskan semua perkara-perkara yang saya telah menyatakan, semua tuntutan-tuntutan oleh plaintif dalam kes ini ditolak dengan kos.